

04 AUG 1998

Mahathir-Singapura

PM INGATKAN SINGAPURA JANGAN AMBIL MUDAH KEBAIKAN MALAYSIA

JOHOR BAHRU, 4 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan pemerintah Singapura supaya "jangan ambil mudah" terhadap kebaikan Malaysia.

Perdana Menteri mengeluarkan peringatan itu ketika merujuk kepada arahan kerajaan Singapura agar Malaysia memindahkan Pusat Pemeriksaan Kastam, Imigresen dan Kuarantinnya (CIQ) di republik itu dari stesen kereta api di Tanjung Pagar ke Woodlands.

Kenyataan Dr Mahathir itu dibuat pada majlis perjumpaan bersama pemimpin Umno, Barisan Nasional, pemimpin masyarakat dan pertubuhan serta pegawai-pegawai kanan kerajaan di Stadium Tertutup Majlis Bandaraya Johor Baharu.

Kira-kira 10,000 orang menghadiri majlis itu.

Dengan membuat seruan "dengar, dengar dan dengar", Dr Mahathir menegaskan bahawa walaupun beliau tidak bermaksud untuk membakar hati rakyat Malaysia dengan membuat ingatan yang keras itu, kenyataan tetap kenyataan.

"Kita tidak meminta lebih (daripada Singapura) tetapi sekadar menuntut layanan yang tidak lebih daripada apa yang kita berikan kepadanya," katanya.

Singapura telah memindahkan pusat CIQ-nya dari Tanjung Pagar di bahagian selatan republik itu ke Woodlands, di bahagian utara berhampiran sempadannya dengan Malaysia mulai Sabtu lepas, dan mahu Malaysia juga berbuat demikian.

Bagaimanapun Malaysia telah memutuskan untuk tidak berpindah dari tempatnya sekarang yang terletak di atas tanah milik Keretapi Tanah Melayu (KTM Berhad) di Tanjung Pagar.

Sambil menjelaskan bahawa Malaysia tidak berniat untuk bermusuhan dengan sesiapa, Perdana Menteri berkata; "Singapura hendaklah bertimbang rasa sedikit... kami bertimbang rasa".

Ucapan Dr Mahathir menerima sorakan semangat yang bergemuruh apabila beliau menimbulkan soal layanan buruk Singapura terhadap Malaysia, di sebalik segala layanan baik yang diberikan kepadanya.

"Mereka menyuruh kita keluar dari Singapura... pegawai kita disuruh keluar dari Singapura... sedangkan kita membekal air kepada mereka.

"Saya berjumpa pemimpin-pemimpin Singapura untuk menjalin hubungan yang erat... tetapi apakah balasan yang kita terima?" tanya Dr Mahathir.

Ketika menyingkap hubungan tradisional Malaysia-Singapura, Perdana Menteri menjelaskan bahawa Malaysia tidak sekali-kali mahu bermusuh dengan negara itu.

"Kita telah cuba mengamalkan sikap berjiran yang baik... Bahkan, selama ini banyak sekali barang dagangan Malaysia dieksport melalui pelabuhan Singapura," katanya.

Dalam konteks arahan pemindahan CIQ itu, Dr Mahathir bertanya; "Apakah kerana Malaysia mempunyai dua-tiga pejabat di Singapura boleh menimbulkan masalah besar kepada republik itu?"

Menurut Dr Mahathir pejabat atau pegawai Malaysia yang diarah keluar dari Tanjung Pagar itu telah berada di situ sejak berpuluh-puluh tahun yang lalu.

"Lagipun mereka berada di atas tanah milik kita... bukan milik orang," kata beliau, merujuk kepada tanah sekitar stesen kereta api Tanjung Pagar yang dimiliki KTM.

Dalam hubungan itu, Perdana Menteri berkata bahawa Singapura juga memiliki harta di Malaysia "tetapi kita tidak pernah kacau".

Malaysia, kata Dr Mahathir, bukan jenis negara yang suka menyusahkan orang lain, sebaliknya "kita suka berbaik-baik dengan semua orang."

"Kita tidak membina angkatan tentera yang besar... kita hendak berbaik-baik dan kita tidak hendak sekali-kali bersengketa dengan orang lain," kata beliau.

-- BERNAMA

AM NMO